

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Pertama
Sidang 1991/92

Oktober/November 1991

HLU 411 - Teori dan Prinsip-Prinsip Teater

Masa: [3 jam]

Kertas peperiksaan ini mengandungi ENAM [6] soalan dalam DUA [2] muka surat.

Jawab EMPAT [4] soalan, DUA [2] soalan daripada Bahagian A dan DUA [2] soalan daripada Bahagian B.

Semua soalan membawa nilai markah yang sama.

BAHAGIAN A - Jawab DUA [2] soalan

1. SAMA ADA

- (a) Bincangkan dengan terperinci definisi tragedi serta unsur-unsurnya yang dikemukakan oleh Aristotle dalam The Poetics. Bagi pendapat anda, kenapakah Aristotle menganggap drama Oedipus Rex sebagai tragedi Yunani yang terbaik?

ATAU

- (b) Bayangkan anda adalah Aristotle. Anda berada di London pada 30 April 1610 apabila anda berpeluang menyaksikan sebuah pementasan drama Othello, karya William Shakespeare di Panggung Globe. Tuliskan sebuah rencana bercorak kritikal mengenai drama tersebut dari segi skrip serta cara pementasan untuk diterbit di majalah The Renaissance Drama Review.

2. Apakah anda faham tentang "neoclassicism"? Berikan butir-butir mengenai konsep "neoclassicism" seperti yang dikemukakan oleh beberapa orang tokoh teori, dan bincangkan drama Phaedra, karya Jean Racine sebagai sebuah drama daripada aliran itu.

.../2

3. "Romanticism" dianggap sebagai satu pergerakan kesenian yang agak moden. Bagi pendapat anda adakah ulasan ini benar, jika diambil kira dari segi teater dan drama? Anda diminta mencerminkan perbincangan anda dengan rujukan kepada sekurang-kurangnya sebuah skrip drama yang sesuai serta stail persembahan yang dibayangkan oleh para tokoh romanticism.

BAHAGIAN B - Jawab DUA [2] soalan

4. Bincangkan dengan terperinci aliran "Theatre of Cruelty" yang dikemukakan oleh Antonin Artaud. Bagi pendapat anda mungkinkah teater seperti itu dapat dihasilkan? Anda diminta merujuk kepada skrip drama serta pementasan untuk mencerminkan perbincangan anda.
5. Teater klasik dan teater epik merupakan dua stail teater yang bertentangan. Dengan rujukan kepada tulisan tokoh-tokoh teori, skrip-skrip drama pilihan serta cara pementasan, jelaskan perbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua stail teater tersebut?
6. Expressionism merupakan satu aliran kesenian yang menentang naturalism dengan hebatnya. Bagi pendapat anda apakah perbezaan-perbezaan utama yang terdapat pada kedua-dua aliran teater tersebut, iaitu Naturalism dan Expressionism? Anda diperlu menggambarkan perbincangan anda dengan rujukan kepada tokoh-tokoh teori serta skrip-skrip drama yang sesuai.
7. Tuliskan secara terperinci mengenai satu [1] daripada perkara-perkara berikut:
 - (a) Perkembangan yang dapat dilihat berperingkat-peringkat dalam stail drama-drama karya Heinrich Ibsen.
 - (b) Falsafah "The Performance Group", dan skrip serta pementasan drama Dionysus in 69.